

14 JUN 2003

Samy-Air

KEMENTERIAN KERJA RAYA ADAKAN MESYUARAT SEBELUM MESYUARAT MAJLIS AIR

SUNGAI SIPUT, 14 Jun (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya akan mengadakan satu mesyuarat khas bagi mendapatkan maklumat balas mengenai masalah pengurusan air di negeri-negeri sebelum mesyuarat Majlis Air Kebangsaan diadakan.

Menterinya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata mesyuarat khas ini akan melibatkan semua Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pengerusi Jawatankuasa yang bertanggungjawab berkaitan bekalan air dan pengarah-pengarah bekalan air atau pengurus-pengurus syarikat air di seluruh negara.

Tarikh mesyuarat khas itu belum ditetapkan tetapi ia perlu diadakan awal bagi mendapatkan maklumat penting dari negeri-negeri sebelum mesyuarat Majlis Air Kebangsaan.

"Dalam mesyuarat ini nanti, Kementerian akan mendengar pandangan dan permintaan dari mereka. Selain itu kita juga akan mendengar masalah mereka, jumlah hutang mereka dan bagaimana masalah itu dapat diselesaikan secara keseluruhannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat khas ketua-ketua kampung Parlimen Sungai Siput di dewan orang ramai Kampung Jalong, di sini, hari ini.

Rabu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat mungkin mengambil alih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan pembekalan air bersih berikutan ketidakupayaan Kerajaan Negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang terlalu tinggi.

Perdana Menteri berkata cadangan itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada mesyuarat Majlis Air Kebangsaan tidak lama lagi.

Samy yang juga Anggota Parlimen Sungai Siput berkata selepas mesyuarat itu, Kementerian Kerja Raya akan membuat satu laporan dan laporan itu akan dikemukakan sewaktu mesyuarat Majlis Air Negara.

"Mesyuarat itu adalah persiapan kita sebelum mesyuarat Majlis Air Negara diadakan. Banyak perkara perlu dibincangkan dan banyak maklumat balas kita perlukan sebelum mesyuarat Majlis Air Negara diadakan.

" Pada mesyuarat itu pandangan daripada semua negeri akan dipertimbangkan. Segala permasalahan yang diutarakan boleh membantu kerajaan pusat dalam mengatasi masalah menyediakan bekalan air ini," katanya.

Beliau berkata tarikh untuk mesyuarat Majlis Air Negara juga belum ditetapkan dan ia akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri yang dijangka menetapkan tarikhnya.

-- BERNAMA

KAY PR